

Penerokaan *Talaqqi Bersanad* (TB) dalam Pengajian Hadis di Malaysia

Exploration of *Talaqqi with Sanad* in Hadith Studies in Malaysia

FARHAH ZAIDAR MOHAMED RAMLI

LATIFAH ABDUL MAJID

MOHD ARIF NAZRI

ABSTRAK

Talaqqi bersanad merupakan satu konsep yang aplikasinya signifikan dengan pengajian hadis iaitu dalam konteks riwayat dan sanad. Menerusi TB mekanisme periyawatan hadis terus berganjak kepada periyawatan kitab-kitab hadis selari dengan perubahan dan perkembangan zaman. Implikasi utama aplikasi TB ialah mengekalkan tanpa putus silsilah sanad yang noktah awalnya bukan sahaja bermula tetapi berakhir kepada sandaran mutlak sumber hadis iaitu Rasulullah SAW. Terdapat dua kaedah pelaksanaan TB iaitu kaedah al-sard dan kaedah al-hall wa al-bahath. Penerokaan lapangan di Malaysia menemui dua sampel kes yang masing-masing dikenal pasti melaksanakan kedua-dua kaedah tersebut tetapi artikel ini hanya memaparkan sampel kes bagi kaedah al-sard. Sampel kes bagi kaedah al-sard yang menjadi sumber sasaran temu bual, pemerhatian dan analisa dokumen ditemui mengaplikasikan TB menurut metode yang sah dan boleh dipertanggungjawabkan sebagaimana dalam disiplin pengajian hadis. Interpretasi proses aplikasi TB tersebut menunjukkan responden telah menggunakan mekanisme al-sama^c, al-qira'ah dan al-ijazah yang merupakan tiga metode yang standard bagi penyambungan silsilah sanad.

Kata kunci: *Talaqqi bersanad; silsilah sanad; kaedah al-sard; karya thabat*

ABSTRACT

The Talaqqi Bersanad is a concept where its application is significant with the study of hadith in the content of narration and sanad. Through the Talaqqi Bersanad, the narration of hadith continues to develop to the narration of hadith scriptures consistent with the changes and the growth of time. The main application of the TB is to continuously maintain the genealogical of the sanad whereas the full stop of beginning of it not just begin but end with the main source of the hadith, that is Rasulullah PBUH. There are two methods of implementation for the TB which are al-sarad method and al-hall wa al-bahath method. Exploration in Malaysia found two samples of case which each of them to identify the implementation of both methods. However, this article will only show the sample of case for al-sarad method. The sample of case for al-sarad method which became the target source for interviews, observation and document analysis found out to apply TB using the legal method and as reliable as in the discipline of hadith studies. The process for interpretation of the TB showed that the respondent have used al-sama^c, al-qira'ah and al-ijazah mechanism which are the three standard methods for genealogical connection of the sanad.

Keywords: *Talaqqi with sanad; sanad genealogy; al-sarad method; thabat book*

PENGENALAN

Pengekalan silsilah *sanad* menerusi aplikasi TB merupakan fenomena yang mendapat keprihatinan khusus di kalangan ilmuan Islam kurun demi kurun. Bertitik tolak daripada kerangka pemikiran yang responsif dan sensitif terhadap keistimewaan pengekalan persambungan silsilah *sanad* hingga kepada Rasulullah pendorong ilmuan hadis mengaplikasikan TB dalam pengajian kitab-kitab hadis utama antaranya *al-kutub al-sittah*. Rakaman aplikasi fenomena ini ditemui secara langsung dalam intisari karya jenis *thabat* atau yang seumpama dengannya iaitu *al-mashyakhah*, *al-maqajim*, *al-*

fahrasha, *al-barnamaj*, *al-musalsalat* dan *al-awa'il* (Al-Kattani 1982: 67; Abu Ghuddah 1992: 99; al-Mar'ashli 2002: 13, 51). Menurut Muhammad Mahfuz tidak keterlaluan untuk menyatakan bahawa karya seumpama *al-thabat* ini berhasil disebabkan manifestasi aplikasi TB oleh sejumlah komuniti ilmuan Islam terutamanya ahli hadis dalam konteks *al-musnid*. Kesemua karya ini menghimpunkan nama para guru *al-sama^c* dan *al-ijazah* serta rangkaian silsilah *sanad* mereka hingga sampai kepada sumber ilmu yang terdiri daripada khazanah kitab-kitab warisan muktabar yang menjadi teras rujukan keilmuan Islam sepanjang zaman tidak terkecuali *al-kutub al-sittah* (al-Wadi Ashi al-Asl 1982: 5-6).

DEFINISI TB

Pengulangan praktis bacaan dan pendengaran serta pengijazahan *al-kutub al-sittah* menerusi mekanisme TB secara langsung menghidupkan proses periwayatan hadis yang diterjemahkan dalam bentuk periwayatan kitab hadis. *Al-kutub al-sittah* misalnya diriwayatkan oleh perawi atau *musnid* menerusi metode *al-sama^c*, *al-qira'ah* dan *al-ijazah* dengan menyebut dan mengemukakan senarai *sanad* sehingga kepada ke enam-enam pengarang kitab tersebut (al-Jaylani 2005: 442). Gambaran proses ini dirumuskan sebagai definisi TB yang hendak dimaksudkan oleh kajian iaitu pendekatan berkonseptan pengajian ilmu secara langsung di hadapan guru *al-musnid* dengan mempraktikkan kaedah *al-talaqqi* yang masyhur iaitu *al-sama^c*, *al-qira'ah* serta dikurniakan *al-ijazah*. Manakala guru tersebut berpengalaman mempelajari sesebuah kitab yang *ditalaqqīkan* tersebut melalui proses yang sama dengan guru-gurunya. Begitulah seterusnya sehingga *sanadnya* sampai kepada pengarang kitab dan berakhir silsilahnya kepada sumber dan penyampai mutlak ilmu iaitu Rasulullah p. Justeru terdapat tiga kata kunci utama dalam rumusan definisi TB ini iaitu *talaqqi*, *sanad* dan *al-musnid*.

Talaqqi daripada sudut bahasa merupakan kata terbitan bagi kalimah *talaqqa* yang berasal daripada kata dasar *laqya* yang bererti bertemu atau berjumpa seseorang. Manakala perkataan *talaqqa* mempunyai beberapa pengertian berdasarkan konteks penggunaannya dalam sesuatu ayat iaitu sama ada menerima sesuatu, bertemu, mengambil dan mengaji atau belajar (*Mujam al-Tullab* 2000: 537; *Mujam al-^cArabiyy al-Asasiyy li al-Natiqin bi al-^cArabiyyah wa Mu^cta'allimiha*, t.th: 1099). Manakala dalam karya *thabat*, *talaqqi* secara istilahnya bermaksud mengambil atau belajar ilmu secara langsung di hadapan guru (Mohd. Khafidz Soroni & Mohd. Norzi Nasir 2011: 45). Adakalanya ia juga disebut sebagai *mushafahah* (lisan). Pendekatan *talaqqi* dan *mushafahah* ilmu dapat diketahui secara tidak langsung menerusi frasa seperti (سمعت على شيخنا) (saya mendengar di hadapan guru kami), (قرأت عليه) (saya telah membaca di hadapannya), (قراءة عليه) (mendengar pembacaan orang lain di hadapan guru) atau *ijazatan mushafahatan* (keizinan riwayat) yang diperolehi daripada lisan guru) (Awang Abdul Aziz Juned 2010: 14-15; Ibn Hajar al-^cAsqalani 1992: 92-93). Dalam konteks pengajian hadis, proses *talaqqi* seumpama ini diistilahkan secara standardnya kepada *al-tahammul* (Nur al-Din ^cItr 1992: 227).

Sanad pula daripada segi bahasa ialah sesuatu yang menjadi tempat bersandar. Manakala dalam ilmu hadis, *sanad* diistilahkan sebagai sesuatu yang menyampaikan kepada *matan* atau dalam erti kata lain ia bermaksud rangkaian perawi berserta lafaz-lafaz yang digunakan yang menyampaikan kepada *matan* hadis (al-^cAsqalani 1999: 16; al-Tahhan 1984: 16). *Sanad* dalam perspektif kajian ini merupakan senarai *rijal*/perawi/guru yang berkesinambungan silsilahnya antara generasi demi generasi sehingga kepada pengarang kitab (al-Mar^cashli 2002: 13). Seterusnya penghujung silsilah ini secara simbolik iaitu khasnya dalam konteks kitab hadis akan kembali sampai kepada Rasulullah p. Namun para *rijalsanad* ini bukan lagi sandaran untuk terima dan tolak sesuatu hadis tetapi hanya bagi mengekalkan silsilah *sanad* agar tidak putus (Ibn al-Solah 1986: 120; al-Fadani 1983: 8).

Seterusnya *al-musnid* didefinisikan secara dasarnya dalam istilah ilmu hadis sebagai seseorang yang meriwayatkan hadis dengan *sanadnya* sama ada ia mempunyai ilmu atau sekadar meriwayatkannya sahaja (al-Khatib 1989: 448). *Al-Musnid* juga turut dikenali sebagai perawi yang menerima dan menyampaikan hadis menerusi salah satu daripada metode-metode *al-tahammul* (*Mawsu^cah ^cUlum al-Hadith* 2007: 380 & 706). Dalam konteks pandangan ulama mutakhir, Dr. Mahmud Sa^cid Muhammad Mamduh merumuskan *al-musnid* sebagai seseorang yang melakukan penambahan periwayatan menerusi pengetahuan terhadap *al-ma^cajim*, *al-athbat* dan *al-faharis* serta prihatin dalam menerima *al-musalsalat* dan memiliki banyak periwayatan daripada para guru (Mamduh 2009: 16, 19). Oleh itu dalam kajian ini, hadis-hadis *Sahih al-Bukhari* yang diriwayatkan oleh responden menerusi metode *al-sama^c*, *al-qira'ah* dan *al-ijazah* dengan menyebut dan mengemukakan senarai *sanad* sehingga kepada pengarang kitab tersebut menepati bidang serta aktiviti seseorang *al-musnid* sebagaimana yang dikemukakan.

SUMBER TB

Pengkaryaan *al-thabat* atau karya yang seumpama dengannya iaitu *al-mashyakhah*, *al-ma^cajim*, *al-fahrasah*, *al-barnamaj*, *al-musalsalat* dan *al-awa'il* merupakan sumber gagasan idea bagi penguraian konsep TB. Hal ini bertepatan dengan reka bentuk konsep karya *thabat* atau *al-athbat* (kata *jama^c*) yang merupakan kategori kitab yang merekodkan *sanad-sanad* bagi kitab-kitab yang dibacakan serta didengari oleh pengarang di hadapan para gurunya.

Al-thabat juga pada asalnya merupakan kumpulan *al-ijazat* yang diperolehi oleh seseorang penuntut ilmu daripada para guru bagi meriwayatkan kitab-kitab hadis (al-Ghawri 2007: 53; al-Fadani 1983: 8).

Manakala *Fahras al-Faharis wa al-Athbat* oleh ^cAbd al-Hayy bin ^cAbd al-Kabir Al-Kattani dan *Mu^cjam al-Ma^cajim wa al-Mashakhat wa al-Faharis wa al-Baramij wa al-athbat* oleh Dr. Yusuf ^cAbd al-Rahman al-Mar^cashli dikenal pasti sebagai sumber rujukan yang berpotensi untuk menemui ribuan data profil *al-musnid* dan karya *thabat* daripada kurun pertama sehingga kini. Keberadaan kedua-dua karya besar ini secara langsung menunjukkan sumber-sumber *rijal sanad* bagi khazanah karya warisan Islam tersebut boleh dijejaki dan masih beredar di kalangan ahlinya.

METODE TB

Seterusnya penyambungan silsilah *sanad* dalam konsep TB ini secara umumnya berteraskan aplikasi tiga metode iaitu *al-sama^c*, *al-qira'ah* dan *al-ijazah*. *al-Sama^c* ialah guru membacakan hadis kepada murid. Manakala *al-qira'ah* ialah murid membacakan hadis di hadapan guru. *Al-Ijazah* pula ialah kebenaran bagi seseorang meriwayatkan sesuatu hadis atau kitab hadis dengan izin atau autoriti daripada seseorang guru tanpa pembacaan di hadapannya (al-Qudah 2003: 36-39). Aplikasi secara kombinasi ketiga-tiga metode ini menyebabkan kesinambungan riwayat menerusi *akhbarana* atau *hadithana* dan lain-lain lagi lafaz yang seumpamanya dapat diteruskan. Dalam konteks pengajian hadis, ketiga-tiga metode ini merupakan adaptasi daripada disiplin periyawatan hadis yang diaplakasikan menerusi peraturan *al-tahammul* dan *al-ada'*. Dengan erti kata lain, *al-tahammul* dan *al-ada'* merupakan mekanisme yang sama bagi proses periyawatan hadis dengan proses periyawatan kitab hadis (al-^cAmrani 1983: 78; Brown 2009: 49). Malah *al-sama^c* dan *al-qira'ah* merupakan metode riwayat yang berada pada kedudukan yang paling tinggi sebenarnya di kalangan lapan metode *al-tahammul* dan *al-ada'* yang disusuli selepas kedua-duanya dengan metode *al-ijazah* (Ibn al-Solah 1986: 132-151).

TUJUAN TB

^cAbd al-Fattah Abu Ghuddah menjelaskan bahawa kemunculan era pembukuan kitab-kitab koleksi hadis serta faktor berlalunya zaman menyebabkan situasi pendengaran hadis berganjak kepada

pendengaran kitab hadis terus daripada pengarangnya atau pendengaran daripada individu yang pernah mendengar daripada pengarangnya. Proses ini membawa implikasi persambungan *sanad* kepada pengarang kitab yang seterusnya secara tidak langsung menyampaikan *sanad* tersebut kepada Rasulullah p. Oleh yang demikian, praktis ini dapat menyempurnakan ikatan pertautan antara mereka dengan baginda (Abu Ghuddah 1992: 99). Dengan erti kata lain, kenyataan ini menjurus kepada tujuan TB diaplakasikan.

Berdasarkan faktor tersebut, kelangsungan periyawatan kitab hadis menerusi praktis metode *al-sama^c* dan *al-qira'ah* mahupun *al-ijazah* tidak sukar untuk dibuktikan. Tercatat jumlah catatan yang agak ekstrem yang memperlihatkan aplikasi metode ini khususnya dalam karya *thabat*. Namun dalam perspektif pelaksanaan, terdapat dua kaedah yang diaplakasikan dalam proses *al-sama^c* dan *al-qira'ah* kitab-kitab hadis tersebut khasnya *al-kutub al-sittah* iaitu kaedah *al-sard* dan kaedah *al-hall wa al-bath* (bacaan hadis secara ulas dan kaji) (al-Qinnawji 1985: 131-132).

KAEDAH AL-SARD

Kaedah *al-sard* merupakan pembacaan hadis daripada sesuatu kitab hadis secara terus-menerus oleh guru atau murid yang ditugaskan memperdengarkan bacaan tersebut. Hadis-hadis tersebut dibaca satu persatu tanpa diselangi kupasan daripada aspek bahasa, kefahaman teks atau pengenalan nama-nama rijal yang terkandung dalam teks bacaan tersebut. Beberapa ulama antaranya Waliyy Allah al-Dihlawi berpendapat metode ini secara umumnya diaplakasi oleh tokoh-tokoh ilmuan sebagai satu cara mereka memperolehi *al-sama^c* hadis dan silsilah *sanad* dengan segera. Berikut itu aspek kupasan dan syarahan diabaikan (al-Qinnawji 1985: 131-132).

Lazimnya, kegiatan pembacaan menerusi kaedah *al-sard* ini dapat dikenal pasti menerusi pelaksanaannya dalam tempoh yang singkat. Misalnya al-^cIraqi pernah membaca *Sahih Muslim* di hadapan Muhammad bin Isma^cil al-Khabaz di Damshiq dalam enam sesi majlis secara berturut-turut. Manakala Al-Fayruz Abadi membaca *Sahih Muslim* di hadapan Nasir al-Din Abu ^cAbd Allah Muhammad bin Jahbal di Damshiq dalam masa tiga hari sahaja dalam majlis yang turut dihadiri oleh para ilmuan terkenal. Beliau juga membaca kitab yang sama dengan guru yang lain iaitu al-Bayani di Masjid al-Aqsa dalam empat belas majlis (al-Qasimi 1993: 271). Ibn Hajar

al-^cAsqalani pula pernah membaca *Sahih al-Bukhari* dalam sepuluh sesi majlis dengan durasi setiap majlis selama lebih kurang empat jam (Al-Sakhawi 1999: 163). Contoh seterusnya, al-Qasimi pernah mengkhatamkan bacaan *Sahih Muslim* selama empat puluh hari, bacaan *Sunan Ibn Majah* selama dua puluh satu hari dan *al-Muwatta* selama sembilan belas hari (al-Qasimi 1993: 272). Dalam konteks kontemporari, Dr. Mahmud Sa^cid al-Mamduh atau nama penuh beliau Mahmud Sa^cid bin Muhammad Mamduh bin Abd al-Hamid bin Muhammad bin Sulayman al-Qahiri al-Misriyy pernah membaca *kutub al-sittah* secara *al-sard* sehingga khatam keseluruhannya di hadapan dua orang guru *al-sama*^cnya iaitu Muhammad Yasin al-Fadani (w1410H) dan Shaykh Isma^cil al-Zayn (al-Mar^cashli 2002: 214-215).

Penerokaan lapangan di Malaysia mendapati, sampel kes yang menepati kaedah *al-sard* ialah Majlis Pembacaan *Sahih al-Bukhari* yang melibatkan responden yang dikodkan dengan nama Syeikh Muhammad Fuad. Aplikasi *al-sama*^c dan *al-qira'ah* bagi kitab *Sahih al-Bukhari* antara Syeikh Muhammad Fuad dengan murid berlangsung sebanyak empat puluh majlis (tidak termasuk majlis khatam) dalam tempoh dua puluh satu hari iaitu bermula 29 Mei sehingga 18 Jun 2011. Sebanyak tujuh ribu lima ratus enam puluh tiga hadis *Sahih al-Bukhari* tersebut telah dibacakan sehingga khatam. Tujuh ribu dua ratus lapan puluh

lima hadis tersebut dibacakan oleh beberapa orang murid di hadapan Syeikh Muhammad Fuad. Manakala bakinya iaitu dua ratus tujuh puluh lapan hadis lagi telah dibacakan oleh Syeikh Muhammad Fuad.


Menurut Syeikh Muhammad Fuad, hadis-hadis *Sahih al-Bukhari* ini dibaca satu persatu secara terus menerus tanpa diselangi kupasan terhadap kandungan hadis-hadis tersebut kecuali sedikit. Oleh yang demikian pengkhataman bacaan dapat dilakukan dalam tempoh masa yang singkat. Ianya dilaksanakan bertujuan secara umumnya memperolehi *al-sama*^c dan *qira'ah* hadis bagi menyambung *sanad* menerusi Syeikh Muhammad Fuad sehingga kepada Imam al-Bukhari dan penghujung kemuncaknya bersambung pula kepada Rasulullah (Syeikh Muhammad Fuad 2012). Menurut Syeikh Muhammad Fuad lagi para murid lebih kerap membacakan hadis-hadis *Sahih al-Bukhari* manakala beliau mendengarnya dalam hampir keseluruhan sesi majlis. Dalam konteks *al-tahammul* aplikasi ini diistilahkan dengan *al-qira'ah ala al-shaykh*. Adakalanya bacaan hadis-hadis tersebut turut diselang seli dengan bacaan beliau sendiri manakala murid mendengar iaitu dalam istilah *tahammulnya sami't min shaykhi*. Kedua-dua frasa ini tidak boleh digunakan sewenang-wenangnya oleh seseorang yang tidak melalui proses ini. Ini adalah kerana frasa-frasa ini mewakili dakwaan pendengaran hadis daripada seseorang

JADUAL 1. Penjadualan Aplikasi TB *Sahih al-Bukhari* Kaedah *al-Sard* Syeikh Muhammad Fuad

Bil. Hari	Durasi	Majlis (sesi pagi & petang-malam)	Jumlah Pembacaan Hadis
Hari Pertama	2 jam 20 minit	Majlis pembukaan	78 hadis
Hari Kedua	5 jam 18 minit	Majlis 1 & Majlis 2	215 & 227 hadis
Hari Ketiga	4 jam 13 minit	Majlis 3 & Majlis 4	208 & 276 hadis
Hari Keempat	5 jam 51 minit	Majlis 5 & Majlis 6	193 & 237 hadis
Hari Kelima	3 jam 58 minit	Majlis 7 & Majlis 8	125 & 307 hadis
Hari Keenam	4 jam 4 minit	Majlis 9 & Majlis 10	180 & 192 hadis
Hari Ketujuh	5 jam 9 minit	Majlis 11 & Majlis 12	139 & 216 hadis
Hari Kelapan	4 jam 9 minit	Majlis 13 & Majlis 14	96 & 187 hadis
Hari Kesembilan	5 jam 13 minit	Majlis 15 & Majlis 16	214 & 177 hadis
Hari Kesepuluh	5 jam 40 minit	Majlis 17 & Majlis 18	132 & 249 hadis
Hari Kesebelas	4 jam 4 minit	Majlis 19 & Majlis 20	127 & 206 hadis
Hari Kedua belas	4 jam 31 minit	Majlis 21 & Majlis 22	143 & 230 hadis
Hari Ketiga belas	2 jam 10 minit	Majlis 23 & Majlis 24	64 & 154 hadis
Hari Keempat belas	4 jam 17 minit	Majlis 25 & Majlis 26	107 & 80 hadis
Hari Kelima belas	5 jam 37 minit	Majlis 27 & Majlis 28	121 & 182 hadis
Hari Keenam belas	5 jam 37 minit	Majlis 29 & Majlis 30	188 & 255 hadis
Hari Ketujuh belas	4 jam 24 minit	Majlis 31 & Majlis 32	172 & 292 hadis
Hari Kelapan belas	4 jam 11 minit	Majlis 33 & Majlis 34	144 & 257 hadis
Hari Kesembilan belas	3 jam 33 minit	Majlis 35 & Majlis 36	146 & 146 hadis
Hari Kedua puluh	3 jam 42 minit	Majlis 37 & Majlis 38	168 & 172 hadis
Hari Kedua puluh satu	5 jam 59 minit	Majlis 39 & Majlis 40	368 & 193 hadis
Hari Kedua puluh dua	1 jam 9 minit	Majlis Khatam	193 hadis (ulangan)
Jumlah: 22 Hari	95 jam 15 minit	41 Majlis	7563 hadis

syeikh (Syeikh Muhammad Fuad 2012). Berikut penjadualan aplikasi TB *Sahih al-Bukhari* secara *al-sard* yang dirumuskan berdasarkan pemerhatian turut serta majlis Syeikh Muhammad Fuad. Ia merupakan penemuan yang boleh dijadikan contoh untuk menjayakan aplikasi *al-sama'* dan *al-qira'ah* hadis-hadis *Sahih al-Bukhari* sehingga khatam.


Sebelum majlis pembacaan *Sahih al-Bukhari* dianjurkan, Syeikh Muhammad Fuad terlebih dahulu berpengalaman meriwayatkan kitab tersebut daripada gurunya menerusi kaedah *al-sard* ketika kunjungan beliau ke Mesir pada tahun 2011. Beliau berkesempatan membacakan keseluruhan hadis-hadis *Sahih al-Bukhari* sehingga khatam di hadapan guru *al-sama'* iaitu *al-musnid* Dr. Muhammad Sa'id Muhammad Mamduh. Sesi *al-sama'* dan *al-qira'ah* hadis-hadis tersebut memakan masa dua belas hari bermula 17 sehingga 28 Januari 2011 dengan tiga puluh tiga majlis. Setiap sesi majlis berdurasi antara enam sehingga lapan jam. Kesemua maklumat tersebut direkodkan dalam catatan pengijazahan *sanad Sahih al-Bukhari* yang ditulis sendiri oleh gurunya pada halaman depan kitab (Syeikh Muhammad Fuad 2012).



GAMBAR 1. Catatan Pengijazahan *Sanad Sahih al-Bukhari* oleh Guru Syeikh Muhammad Fuad

PENGIJAZAHAN SANAD

Selepas menamatkan sesi *al-sama'* dan *al-qira'ah* bagi keseluruhan hadis-hadis *Sahih al-Bukhari*, para peserta majlis pembacaan *Sahih al-Bukhari* telah dianugerahkan pengijazahan *sanad Sahih al-Bukhari* menerusi pemberian sijil penyaksian pendengaran kitab tersebut di hadapan Syeikh Muhammad Fuad. Pengijazahan *sanad Sahih al-Bukhari* ini dilaksanakan ketika majlis pengkhataaman *Sahih al-Bukhari* (Syeikh Muhammad Fuad 2012).



GAMBAR 2. *Ijazah Sanad Sahih al-Bukhari* oleh Syeikh Muhammad Fuad kepada murid.

Langkah pengijazahan *sanad* dilakukan secara tulisan dan lisan. Syeikh Muhammad Fuad bertindak membacakan hadis terakhir *Sahih al-Bukhari* dan seterusnya membaca langsung dari hafalan beliau *sanad Sahih al-Bukhari* serta menyebut lafaz pengijazahan kepada para peserta yang mengikuti majlis *al-sama'* dan *al-qira'ah* kitab tersebut. Setelah itu sijil *sanad* tersebut diserahkan oleh Syeikh Muhammad Fuad sendiri kepada para peserta seorang demi seorang. Sijil *sanad* yang diedarkan serta dikeluarkan kepada para peserta ini, merekodkan informasi yang menunjukkan aplikasi *al-sama'*, *al-qira'ah* serta *al-ijazah* antara Syeikh Muhammad Fuad dengan murid seperti nama Syeikh Muhammad Fuad selaku *al-musni'* dan *al-mujiz*, nama murid atau peserta selaku *al-mujaz lah*, *al-mujaz bih*, frasa-frasa aplikasi *al-sama'*, *al-qira'ah* dan *al-ijazah*, jumlah majlis, tempat, tarikh dan majlis khatam di samping senarai silsilah *sanad* kitab *Sahih al-Bukhari*. Pengijazahan secara lisan dan tulisan seperti ini merupakan kelaziman bagi praktikal metode *al-ijazah* (al-^cAsqalani 1999: 99; al-Sakhawi 1426H: 461). Malah kombinasi di antara lisan dan tulisan turut dikenali dengan *ijazah munawalah* serta dianggap sebagai yang terbaik berdasarkan lafaz pengijazahan bukan sahaja diucapkan tetapi turut disokong dengan tulisan jika didokong lagi dengan salinan perkara yang diijazahkan tersebut yang diterima langsung oleh *al-mujaz lah* daripada *al-mujiz* (Ibn al-^cImadiyyah 2008: 41).

Berikut frasa yang tertera dalam sijil yang menterjemahkan aplikasi *al-sama'* dan *al-qira'ah* *Sahih al-Bukhari* antara murid dengan Syeikh Muhammad Fuad:

وَانْ وَلِيَ الْقَلْبِ قَدْ سَمِعَ/سَمِعَتْ صَحِيفَ الْإِمَامِ أَبِي
عَبْدِ اللَّهِ الْبَخَارِيِّ رَحْمَهُ اللَّهُ كَامِلاً بِدُونِ أَيِّ فَرْتٍ فِي 40 مَجْلِسًا فِي
أَمْفَنْجَ سُلْطَنْجُورَ دَارِ الإِحْسَانِ بِقَرَاءَةِ جَمِيعِ مِنْ طَلْبَةِ الْعِلْمِ عَلَيْ وَكَانَ
الْخَتْمُ فِي دَارِ الْقُرْآنِ وَالْحَدِيثِ فِي الْجَهَةِ الْمَذْكُورَةِ فِي 18 رَجَب
1432 مِنَ الْهِجْرِيَّةِ النَّبُوَيَّةِ الشَّرِيفَةِ.

Terjemahan: Dan sesungguhnya anak yang tersemat di hati saya bawawa beliau telah mendengar *Sahih* Imam Abi 'Abd Allah al-Bukhari r.h. secara keseluruhan tanpa terkecuali (walaupun satu hadis) dalam empat puluh majlis yang di adakan di Ampang, Selangor Darul Ehsan menerusi pembacaan sekumpulan daripada kalangan penuntut ilmu di hadapan saya dan pengkhataman di lakukan di Dar al-Quran wa al-Hadis di tempat yang tersebut pada 18 Rejab 1432H.

Seterusnya frasa *al-ijazah* yang diaplikasikan oleh Syeikh Muhammad Fuad sebagaimana yang tertera dalam sijil *sanad Sahih al-Bukhari* tersebut.

وَقَدْ أَجْزَتْهَا جَمِيعَ مَقْرُوْتَيِّي وَمَرْوِيَّاتِي لَاسِيمَا الْجَامِعِ الصَّحِيفِ
لِلْإِلَامِ الْبَخَارِيِّ رَحْمَهُ اللَّهُ كَامِلاً عَلَى شِيخِنَا الْمَحْدُثِ الدَّكْتُورِ
مُحَمَّدُ سَعِيدُ مُحَمَّدُ مَدْوُحُ الشَّافِعِيِّ حَفَظَهُ اللَّهُ،

Terjemahan: Dan bawawa saya telah mengijazahkan kepadanya kesemua pembacaan dan periyatan saya terutamanya *al-Jami'* *al-Sahih* oleh Imam al-Bukhari dan saya telah membacanya secara keseluruhan di hadapan guru kami *al-muhibbin* Dr. Mahmud Sa'id Muhammad Mamduh al-Shafi'i semoga Allah memeliharanya.

Frasa di atas menjelaskan dua jenis *al-ijazah* yang diaplikasikan oleh Syeikh Muhammad Fuad iaitu *ijazah mu'ayyanin li mu'ayyanin* dan *ijazah mu'ayyanin fi ghayr mu'ayyanin*. Syeikh Muhammad Fuad selaku *al-mujiz* menentukan secara khusus perkara yang diijazahkan (*al-mujaz bih*) iaitu kitab *al-Jami'* *al-Sahih* oleh Imam al-Bukhari kepada *al-mujaz lah* yang ditentukan iaitu peserta atau murid. Aplikasi ini selaras dengan jenis *ijazah mu'ayyanin li mu'ayyanin* Seterusnya sebagaimana frasa di atas, Syeikh Muhammad Fuad selaku *al-mujiz* turut mengijazahkan kesemua pembacaan dan periyatan peribadi beliau secara umum tanpa penentuan khusus kepada murid. Aplikasi ini selaras dengan *ijazah mu'ayyanin fi ghayr mu'ayyanin* (Al-'Iraqi 1993: 203). Kedua-dua *al-ijazah* ini merupakan jenis *al-ijazah* yang diterima pelaksanaannya oleh kebanyakan ulama dan berada pada kedudukan pertama dan kedua paling tinggi berbanding keseluruhan jenis-jenisnya yang lain (*Mawsu'ah Uulum al-Hadith* 2007: 210-211).

Terdapat aplikasi TB iaitu *al-sama'*, *al-qira'ah* dan *al-ijazah* dalam Majlis Pembacaan *Sahih al-Bukhari* yang dikendalikan oleh Syeikh Muhammad Fuad sepetimana perbincangan sebelum ini. Oleh yang demikian nama murid atau peserta dan nama Syeikh Muhammad Fuad berkelayakan diletakkan sebaris dengan rangkaian silsilah *sanad* ini secara bersambung menerusi metode yang diiktiraf bagi tujuan tersebut iaitu ketiga-tiga metode tadi. Frasa-frasa aplikasi yang direkodkan dalam sijil *sanad Sahih al-Bukhari* yang dikeluarkan oleh Syeikh Muhammad Fuad adalah selaras dan relevan dengan realiti proses TB yang diaplikasikan menerusi majlis pembacaan kitab tersebut di hadapan beliau. Dengan erti kata lain, sijil *sanad Sahih al-Bukhari* berfungsi sebagai penyaksian terhadap kebolehpercayaan aplikasi TB oleh para murid atau peserta Majlis Pembacaan *Sahih al-Bukhari* dan serentak menyambung *sanad* dengan Syeikh Muhammad Fuad dan silsilahnya selaku guru *al-musmi'* dan *al-mujiz* bagi majlis tersebut. Aplikasi ini selaras dengan pandangan al-Suyuti tentang fungsi *al-ijazah* daripada seseorang *al-mujiz* merupakan penyaksian ke atas kelayakan seseorang *al-mujaz lah* terhadap perkara yang diijazahkan tersebut (Al-Suyuti 2000: 210).

Kedudukan Syeikh Muhammad Fuad selaku *al-musnid* iaitu meriwayatkan kitab *Sahih al-Bukhari* secara *al-qira'ah* dan *al-ijazah* daripada gurunya sebelum ini iaitu *rijal* yang pertama membawa implikasi kesinambungan silsilah menerusi *sanad* beliau bertalian hingga kepada Imam al-Bukhari yang secara kemuncaknya turut sampai kepada Rasulullah p. Silsilah *sanad* inilah yang diijazahkan kepada peserta majlis pembacaan tersebut. Terdapat dua puluh nama *rijal* yang dicatatkan seorang demi seorang bermula daripada guru Syeikh Muhammad Fuad yang bersilsilah sehingga akhirnya sampai kepada pengarang kitab iaitu Imam al-Bukhari. Menurut Syeikh Muhammad Fuad sumber utama rujukan bagi pengeluaran silsilah *sanad* yang beliau keluarkan ini ialah *sanad* yang ditulis oleh gurunya dalam catatan pengijazahan yang terdapat pada halaman hadapan kitab *Sahih al-Bukhari* yang digunakan ketika sesi pembacaan bersama guru tersebut (Syeikh Muhammad Fuad 2012). Namun begitu, Syeikh Muhammad Fuad juga melakukan perbandingan silsilah *sanad* itu dengan beberapa karya *thabat* tertentu. Misalnya senarai nama *rijal sanad* bermula daripada bilangan yang pertama sehingga bilangan ke lapan sebagaimana di bawah juga boleh ditemui dalam karya *thabat Ithaf al-Ikhwan biikhtisar Matmah al-Wujdan fi Asanid al-Shaykh 'Umar Hamdan* yang dikarang oleh Muhammad Yasin bin Isa al-Fadani (al-Fadani 1985: 37, 67-68).

Sumber	Kurun	Silsilah Rijal 8-12	Frasa Aplikasi TB
<ul style="list-style-type: none"> Catatan pengijazahan <i>Sahih al-Bukhari</i> Guru Syeikh Muhammad Fuad Karya thabat: <i>Ithaf al-Ikhwan bi ikhtisar Matmah al-Wujdan fi Asanid al-Shaykh 'Umar Hamdan</i> 	15H	1. Mahmud Sa'id Muhammad Mamduh	<i>Sami'at (al-sama')</i>
	14H	2. Muhammad Yasin bin Isa al-Fadani (w1412H)	<i>Qara'ah 'ala shyaykhih (al-qira'ah)</i>
	13H	3. 'Umar bin Hamdan al-Mahrasi (w1368H)	
	12H	4. Khatib al-Azhar Muhammad Imam al-Saqa (w1354H)	
		5. Bapanya al-Burhan al-Saqa (w1298H)	<i>'an (al-ijazah)</i>
		6. Thu'aylib bin Salim al-Fishani (w1239H)	
		7. Al-Shihabayni Ahmad bin 'Abd al-Fattah al-Mallawi (w1181H)	
		8. 'Abd Allah bin Salim al-Basri al-Makki (w1134H)	

RAJAH 1. Silsilah Sanad Rijal Satu hingga Rijal ke Lapan

Manakala senarai nama *rijal sanad* daripada bilangan yang kelapan sehingga yang ke tiga belas sebagaimana di bawah turut direkodkan dalam karya *thabat* 'Abd Allah bin Salim al-Basri (w1134H) iaitu *al-Imdad bi Ma'rifah 'Uluyy al-Isnad* (al-Basri 2006: 54-55).

Seterusnya senarai nama *rijal* yang ketiga belas bermula daripada al-Hafiz Ibn Hajar al-'Asqalani (w852H) sehingga *rijal* ke dua puluh satu, al-Imam al-Hafiz Abu 'Abd Allah Muhammad bin Isma'il al-Bukhari (w256H) seperti di bawah juga ditemui direkodkan dalam *al-Majma' al-Mu'assis li Mu'jam al-Mufahris* iaitu karya *thabat* yang dikarang oleh Ibn Hajar al-'Asqalani (Ibn Hajar al-'Asqalani 1992: 90-92).

Penjelasan ini menunjukkan sumber silsilah *sanad Sahih al-Bukhari* yang dikeluarkan oleh Syeikh Muhammad Fuad menerusi catatan gurunya mempunyai sandaran rujukan lain yang menyokong kewujudan nama-nama yang terdapat dalam silsilah tersebut iaitu tiga karya *thabat* seperti yang dinyatakan sebelum ini. Hal ini menunjukkan komuniti ini dapat mengelakkan silsilah supaya bersambung berdasarkan aplikasi TB yang tercatat beserta nama-nama *rijal* tersebut yang masih boleh dijejaki daripada kurun demi kurun menerusi sumber yang boleh dipertanggungjawabkan iaitu karya-karya jenis *thabat*.

Seterusnya dalam konteks persambungan *sanad*, ia paling kurang dapat dilihat daripada

Sumber	Kurun	Silsilah Rijal 8-12	Frasa Aplikasi TB
<ul style="list-style-type: none"> Catatan pengijazahan <i>Sahih al-Bukhari</i> Guru Syeikh Muhammad Fuad Karya Thabat: <ul style="list-style-type: none"> <i>al-Imdad bi Ma'rifah 'Uluyy al-Isnad</i> 	12H	8. 'Abd Allah bin Salim al-Makki (w1134H)	<i>'an = sama'an li ba'dih wa ijazatan liba'dih (al-sama')</i>
	11H	9. al-'Ala' al-Babili (w1077H)	
	10H	10. Abi al-Naja Salim bin Muhammad al-Sanhuri (w1015H)	<i>'an = qara'atuh li jami'ih (al-qira'ah)</i>
	9H	11. Al-Najm al-Ghayti (w984H)	
		12. Shaykh al-Islam Zakariyya al-Ansari (w926H)	
		13. Al-Hafiz Ibn Hajar al-'Asqalani (w852H)	

RAJAH 2. Silsilah Sanad Rijal ke Lapan hingga Rijal ke Tiga Belas

Sumber	Kurun	Silsilah Rijal 8-12	Frasa Aplikasi TB
• Catatan pengijazahan <i>Sahih al-Bukhari</i> Guru Syeikh Muhammad Fuad	9H	13. Al-Hafiz Ibn Hajar al- ^c Asqalani (w852H)	^c an= <i>samacih lah</i> (<i>al-sama^c</i>)
	8H	14. Al-Burhan Ibrahim al-Tanukhi (w800H)	
	7H	15. Abi al- ^c Abbas Ahmad bin Abi Talib al-Hajjar (w730H)	<i>akhbarana</i> = <i>sama^can</i> ^c alayh/ijazatan mushafahatan (<i>al-sama^c</i>) & (<i>al-ijazah</i>)
<i>Karya Thabat:</i>	6H	16. Al-Siraj al-Hussayn bin al-Mubarak al-Zabidi (w631H)	
• <i>al-Majma^c</i> <i>al-Mu'assis li Mu'jam al-Mufahrīs</i>	5H	17. Abu al-Waqt ^c Abd ^c Abd al-Awwal bin 'Isa al-Sajazi (w553H)	^c an= <i>akhbarana</i> (<i>al-sama^c</i>) & (<i>al-qira'ah</i>)
	4H	18. Abu al-Hasan ^c Abd al-Rahman bin Muhammad bin al-Muzaffar al-Dawudi (w467H)	
	3H	19. Abu Muhammad ^c Abd bin Ahmad bin Hamawiyyah (w381H)	<i>akhbarana</i> = <i>akhbarana</i> (<i>al-sama^c</i>) & (<i>al-qira'ah</i>)
		20. Abu ^c Abd Allah Muhammad bin Yusuf al-Firabri (w320H)	
		21. Al-Imam al-Hafiz Abu ^c Abd Allah Muhammad bin Isma ^c il al-Bukhari (w256H)	

RAJAH 3. Silsilah *Sanad Rijal* ke Tiga Belas hingga *Rijal* ke Dua Puluh Satu

aspek perbandingan tahun kelahiran-kewafatan di antara *rijal-rijal* tersebut yang dapat menentukan kemungkinan pertemuan kerana hidup sezaman (*imkan al-liqa'*) sebagaimana mirip syarat Imam Muslim. Walaupun begitu kejelasan pencatatan proses TB antara guru dengan murid dalam karya-karya *thabat* membantu penyelarasan aplikasi frasa-frasa yang mewakili proses *al-sama^c*, *al-qira'ah* dan *al-ijazah* seperti yang dapat dicatat kembali di dalam sijil *sanad* tersebut serta jadual-jadual silsilah di atas. Ketiga-tiga metode ini merupakan duplikasi daripada tatacara *al-tahammulwa al-ada'* yang merupakan mekanisme asal penyambungan *sanad* hadis-hadis Rasulullah p. Farsa-frasa *akhbarana*, *sami^ct,qara'ah^cala shyaykhīh* dan lain-lain yang sepertinya merupakan manifestasi kehadiran seseorang perawi dalam siri-siri majlis ilmu dan pertemuan dengan ulama serta pendengaran ilmu atau hadis daripada mereka.

Faktor kewibawaan dan ketokohan pengarang karya-karya *thabat* terbabit turut tidak kurang berperanan melonjakkan kebolehpercayaan terhadap sumber kesahan persambungan silsilah sanad di antara *rijal-rijal* ini. Muhammad Yasin bin 'Isa al-Fadani, ^cAbd Allah bin Salim al-Basri dan Ibn Hajar al-^cAsqalani merupakan tokoh *al-musnid*

yang amat dikenali dalam bidang riwayat dan *sanad*. (al-Mar^cashli 2002: 18-19, 67, 500-519). Dalam konteks kajian ini, ketiga-tiga karya *thabat* mereka berfungsi sebagai sumber perbandingan silsilah *sanad* guru Syeikh Muhammad Fuad yang boleh disusurgalurkan sehingga Imam al-Bukhari secara bersambungan berdasarkan frasa-frasa TB yang direkodkan. Ini juga bermakna silsilah sanad *Sahih al-Bukhari* asal yang diijazahkan oleh guru Syeikh Muhammad Fuad bukan disenaraikan tanpa sandaran apatah lagi rekaan sekalipun pengetahuan jitu seperti tahun dan lokasi aplikasi TB di antara *rijal-rijal* (*thubut al-liqa'*) tersebut tidak semuanya dapat dikenalpasti sepertimana mirip syarat al-Bukhari.

Kelangsungan silsilah *sanad Sahih al-Bukhari* misalnya dalam konteks sampel kes kajian ini, berjaya dicerakinkan persambungannya zaman berzaman menerusi aplikasi TB yang konsisten dipraktiskan di kalangan ilmuwan yang dijuluki sebagai *al-musnid*. Mereka lazimnya menyusun dan menyelenggarakan silsilah *sanad* dalam karya *thabat* atau paling kurang mengeluarkan sijil yang mendokumentkan *sanad* kitab hadis tersebut seperti yang dilakukan oleh Syeikh Muhammad Fuad. Sijil *sanad* ini menjadi bukti utama

manifestasi aplikasi TB Syeikh Muhammad Fuad dengan murid bagi menyambung riwayat kepada sumber kedua syariat iaitu hadis berwasilahkan *Sahih al-Bukhari*. Umum mengetahui kemuncak pertautan silsilah *Sahih al-Bukhari* ini akan turut menjelaki penyampai mutlak serta merangkap *sahib al-hadith* iaitu Muhammad Rasulullah p.

KESIMPULAN

Interpretasi proses TB yang dikemukakan ini merupakan hujahan sistematik bagaimana sasaran sampel kes ini merealisasikan pengekalan persambungan silsilah *sanad* menerusi kaedah *al-sard*. Interpretasi proses tersebut menunjukkan sasaran telah menggunakan mekanisme *al-sama^c*, *al-qira'ah* dan *al-ijazah* yang merupakan tiga metode yang standard bagi penyambungan silsilah *sanad*. Ketiga-tiga metode ini merupakan duplikasi daripada tatacara *al-tahammul wa al-ada'* yang merupakan mekanisme asal penyambungan *sanad* hadis-hadis Rasulullah. Oleh itu persambungan silsilah *sanad Sahih al-Bukhari* antara responden dengan murid adalah menurut metode yang sah dan boleh dipertanggungjawabkan dalam konteks disiplin pengajian hadis. Manakala kebolehpercayaan kewujudan silsilah yang bersambungan tersebut turut disokong oleh sumber karya-karya *thabat* yang disusun oleh beberapa tokoh-tokoh yang terlibat dalam proses ini yang turut mengaplikasi metode yang sama bagi tujuan tersebut iaitu *al-sama^c*, *al-qira'ah* dan *al-ijazah*.

Kemampuan mengekalkan persambungan silsilah *sanad* sepanjang lima belas kurun sehingga kepada Rasulullah p seperti ini menepati kenyataan kebanyakan ilmuan hadis antaranya Ibn al-Solah yang menyifatkan fenomena ini merupakan keistimewaan ekslusif bagi umat Muhammad p. (Ibn al-Solah 1986:120) Berikutan itu aplikasi TB tidak dipinggirkan malah kedudukan pengamalnya dilevelkan sebagai *al-musnid* yang tertera martabat ini dalam hampir keseluruhan karya *mustalah* hadis. Dengan erti kata lain, skop dan hala tuju seseorang *al-musnid* bukan sahaja diistilahkan tetapi dipraktiskan hingga kini.

RUJUKAN

- Abu Ghuddah, ^cAbd al-Fattah. 1992. *al-Isnad min al-Din*. Bayrut: Dar al-Qalam.
- Awang Abdul Aziz bin Juned. 2010. Penggunaan Kitab Turath Sebagai rujukan Sumber Hukum dalam Konteks Negara Brunei Darussalam. *Prosiding Seminar Pendidikan Bertalaqqi teks tradisional*.
- al-Basri, ^cAbd Allah bin Salim. 2006. *al-Imdad bi Ma'rifah 'Uluyy al-Isnad*. Riyad: Dar al-Tawhid li al-Nashr.
- al-^cAmrani, ^cAbd Allah. 1983. *Thabat Abi Ja'far Ahmad bin ^cAli al-Balawi al-Wadi Ashi*, Bayrut: Dar al-Gharb al-Islamiyyah.
- al-^cIraqi, Abu al-Fadl ^cAbd al-Rahim bin al-Husayn. 1993. *Fath al-Mughith Sharh al-Fiyyah al-Hadith*. Bayrut: Dar al-Kutub al-^cIlmiyyah.
- al-Ghawri, Sayyid ^cAbd al-Majid. 2007. *Mu'jam al-Mustalahat al-Hadithiyyah*. Dimashq-Bayrut: Dar Ibn Kathir.
- al-Jaylani, ^cAbd al-Latif bin Muhammad. 2005. *al-Hafiz bin al-Rushd al-Sabti al-Fihri wa Juhuduh fi Khidmah al-Sunnah al-Nabawiyyah*,. Bayrut: Dar al-Basha'ir al-Islamiyyah.
- Al-Kattani, ^cAbd al-Hayy bin ^cAbd al-Kabir. 1982. *Fahras al-Faharis wa al-Athbat wa Mu'jam al-Ma'ajim wa al-Mashyakhat wa al-Musalsalat*. Bayrut: Dar al-Gharb al-Islamiyyah.
- al-Khatib, Muhammad ^cAjajj. 1989. *Usul al-Hadith 'Ulumuh wa Mustalahuh*. Bayrut: Dar al-Fikr.
- al-Mar^cashli, Yusuf ^cAbd al-Rahman. 2002. *Mu'jam al-Ma'ajim wa al-Mashyakhat wa al-Faharis wa al-Baramij wa al-Athbat*. Riyad: Maktabah al-Rushd.
- al-Qinnawji, Siddiq Hasan. 1985. *al-Hittah fi Dhikr al-Sihah al-Sittah*. Bayrut: Dar al-Kutub al-^cIlmiyyah.
- al-Qasimi, Muhammad Jamal al-Din. 1983. *al-Fadl al-Mubin ^cAla ^cAqd al-Jawhar al-Thamin*. Bayru: Dar al-Nafa'is.
- al-Qasimi, Muhammad Jamal al-Din. 1993. *Qawa'id al-Tahdith min Funun Mustalah al-Hadith*, Bayrut: Dar al-Nafa'is.
- al-Qudah, Sharaf Mahmud. 2003. *al-Minhaj al-Hadith fi ^cUlum al-Hadith*. Kuala Lumpur: AlBayan Corporation Sdn. Bhd.
- Al-Sakhawi, Shams al-Din Muhammad bin ^cAbd al-Rahman. 1426H. *Fath al-Mughith bi Syarh al-Fiyyah al-Hadith*. Jil. 2. Riyad: Maktabah Dar al-Minhaj.
- Al-Sakhawi, Shams al-Din Muhammad bin ^cAbd al-Rahman. 1999. *al-Jawahir wa al-Durar fi Tarjamah Shaykh al-Islam Ibn Hajar*. Jil.1. Bayrut: Dar Ibn Hazam.
- Al-Suyuti, Jalal al-Din bin ^cAbd al-Rahman bin Abi Bakr. 2000. *al-Itqan fi ^cUlum al-Quran*. Jil. 1. Bayrut: Dar al-Kutub al-^cIlmiyyah.
- al-Wadi Ashi al-Asl, Muhammad bin Jabir. 1982. *Barnamaj al-Wadi Ashi*. Bayrut: Dar al-Gharb al-Islamiyyah.
- Brown, J.A.C. 2009. *Hadith Muhammad's Legacy in the Medieval and Modern World*. Oxford: Oneworld Publications.
- ^cIsa al-Fadani, Muhammad Yasin bin Muhammad. 1983. *Thabat Kuzbari wa yалиح Ithaf al-Talib al-Sirriyy bi Asanid al-Wajih al-Kuzbari*. Damshiq: Dar al-Basa'ir.
- Ibn al-^cImadiyyah, al-Hafiz Mansur bin Salim al-Hamdaniyyah al-Iskandaraniyyah al-Shafi'iyy. 2008. *Juz'fi al-Ijazah*, Bayrut: Dar al-Basha'ir al-Islamiyyah.

- Ibn al-Salah, Abu ʿAmru ʿUthman bin ʿAbd al-Rahman al-Shaharzuri. 1986. *Ulum al-Hadis*. Damshiq: Dar al-Fikr.
- Ibn Hajar al-Asqalani, Ahmad bin ʿAli. 1999. *Nuzhah al-Nazar fi Tawdikh Nukhbah al-Fikar fi Mustalah Ahl al-Athar*. Jordan: Dar ʿAmmar.
- Ibn Hajar al-Asqalani, Ahmad bin ʿAli. 1992. *al-Majma ʿal-Muʾassis li al-Mujam al-Mufahris*. Jil. 1-3. Bayrut: Dar al-Marifah.
- Mamduh, Mahmud Saqid Muhammad. 2009. *al-Ittijahat al-Hadithiyyah fi al-Qarn al-Rabi Ashar*. Kaherah: Dar al-Basa’ir.
- Mawsu ah Ulum al-Hadith*. 2007. Wazarah al-Awqaf al-Majlis al-‘ala li al-Shu’uni al-Islamiyyah, Kaherah.
- Mohd. Khafidz bin Soroni & Mohd. Norzi bin Nasir. 2011. Ketokohan Syeikh Muhammad Yasin Al-Fadani dan sumbangannya dalam disiplin periyawatan sanad. *HADIS Jurnal Ilmiah Berimpak* Julai (1): 45.
- Mujam al-Arabiyy al-Asasiyy li al-Natiqin bi al-Arabiyyah wa Muṭaallimiha*. t.th. t.tp: al-Munazzamah al-Arabiyyah li al-Tarbiyyah wa al-Thaqafah wa al-Ulum.
- Mujam al-Tullab*. 2000. Bayrut: Dar al-Kutub al-Ilmiyyah.
- Syeikh Muhammad Fuad. 2012. Interpretasi & Faktor Dorongan Aplikasi TB. Temubual 20 Februari.
- Farhah Zaidar Mohamed Ramli
Latifah Abdul Majid
Mohd. Arif Nazri
Jabatan Pengajian al-Quran dan al-Sunnah
Fakulti Pengajian Islam
Universiti Kebangsaan Malaysia
43600 UKM Bangi
Selangor D.E.
MALAYSIA